

13/05/2003

PM nak dengar masalah pemandu teksi

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan perjumpaan dengan pemandu teksi dari seluruh negara bagi mendengar masalah golongan itu, kata Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz, semalam.

Beliau berkata, kementeriannya sudah menulis surat kepada Perdana Menteri dan Dr Mahathir sendiri menyatakan persetujuan untuk menemui pemandu teksi itu.

"Bagaimanapun, tarikh dan tempatnya belum ditentukan lagi. Kita tunggu susulan dalam tempoh satu hingga dua minggu lagi," katanya pada sidang media selepas melancarkan Hari Menghargai Pemandu Teksi di Menara Kuala Lumpur di sini, semalam.

Pada majlis itu, kira-kira 1,000 pemandu teksi di sekitar Lembah Klang berpeluang berkunjung ke Menara Kuala Lumpur bersama keluarga secara percuma. Program itu bertujuan menghargai sumbangan perkhidmatan pemandu teksi membawa pelancong ke menara berkenaan.

Mohamed Nazri berkata, kementerian dan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) juga akan melancarkan Hari Kualiti Pemandu Teksi pada tahun ini sebagai menghargai pemandu teksi dan memupuk budaya kerja cemerlang.

Beliau berkata, perkara itu sudah dimaklumkan kepada semua persatuan pengusaha dan syarikat teksi yang juga akan mengadakan program pemanduan berkhemah sepanjang program itu.

Beliau juga berkata, kementeriannya setakat ini sudah mengeluarkan kira-kira 13,000 permit teksi di seluruh Lembah Klang dan sebarang permit tambahan hanya akan diluluskan selepas mendapatkan pandangan pengusaha dan persatuan teksi yang ada.